

Setelah 3-4 bulan kompos boleh digunakan tetapi ia bergantung kepada faktor suhu, udara, campuran bahan, cuaca dan jangkamasa. Kompos yang baik adalah tidak busuk, berwarna hitam keperangan dan berongga.




**UNTUK MAKLUMAT LANJUT
SILA HUBUNGI**


Unit Sayuran,
Seksyen Tanaman
Taman Pertanian Universiti
Universiti Putra Malaysia
43300 UPM Serdang,
Selangor.
Telefon : 03 89467292/7308



Alternatif lain bagi membuat **KOMPOS**



**Menggunakan kepingan
kayu atau papan**



**Menggunakan dawai atau
jaring**

TAMAN PERTANIAN UNIVERSITI
Seksyen Tanaman



KOMPOS

Aktiviti Pertanian Organik

Unit Sayuran, Taman Pertanian Universiti

Aktiviti PENGKOMPOSAN

SUB UNIT PERTANIAN ORGANIK UNIT SAYURAN SEKSYEN TANAMAN



Apakah? KOMPOS

Kompos ialah hasil terakhir daripada proses pengkomposan, iaitu proses pereputan biologiikal. Produk yang dihasilkan ini terdiri daripada 100% bahan semula jadi, kaya dengan humus. Kompos digunakan sebagai baja tanaman dalam aktiviti pertanian. Ia bukan sahaja membekalkan nutrien tertentu malah turut membantu dalam memperbaiki tekstur dan struktur tanah. Mikroorganisma yang terdapat dalam kompos akan membantu meningkatkan kesuburan tanah tersebut.



Kompos juga digunakan sebagai media semaian kerana ia berupaya memegang kelembapan dan mineral-mineral yang mudah meruap. Kompos jarang digunakan secara tunggal, kadangkala ia dicampurkan dengan media menanam lain seperti tanah, habuk kayu, perlite, tanah liat atau tanah loam.

BAHAN ORGANIK
Sisa kandungan dan sisa makanan

BAHAN HIJAU
Rumput, sisa laman dan daun kering



MAKRO ORGANISMA
Cacing tanah, serangga dan lain-lain

MIKRO ORGANISMA
Bakteria, fungus dan mikroob

KELEMBAPAN


kompos disiram 1-2 kali seminggu untuk mengaktifkan mikro dan makroorganisma

SUHU

kompos ditutup supaya haba yang dihasilkan dapat membunuh patogen dan membantu proses penguraian



1. Buatkan bingkai kayu yang mudah dilalih atau bekas yang besar.
2. Letakkan buluh berlubang atau paip PVC di tengah-tengah bekas untuk tujuan pengudaraan.
3. Letakkan bahan kering (daun kering, rumput kering) yang dipotong halus atau dikisar sebagai lapisan pertama dan di atasnya diletakkan sisa dapur dan sisa pertanian.
4. Letakkan bahan organan (tahi haiwan) pada lapisan ke dua dan letakkan lapisan tanah yang nipis pada bahagian yang ke tiga. (Langkah 3-4 menghasilkan 1 pile)
5. Air tidak perlu ditambah sekiranya terdapat banyak bahan-bahan basah.
6. Ulangi langkah 3-4 hingga timbunan mencapai ketinggian 1.8 meter.
7. Tutupkan permukaan untuk mengelakkan terkena hujan atau panas.
8. Suhu yang sesuai ialah 55-70 darjah celsius. Ini bertujuan untuk membunuh patogen dan untuk proses penguraian.
9. Terbalikkan timbunan setiap dua minggu dalam masa dua atau tiga bulan. Ini bertujuan untuk memperbaiki pengudaraan, meningkatkan kecekapan aktiviti mikroorganisma dan memastikan memastikan bahan pengkomposan terurai dengan seragam.
10. Siram dengan air apabila timbunan kering.



Cara Membuat? KOMPOS